

13 FEB 1996

Umno-Sabah

UMNO SABAH JUMPA PM MENGENAI ISU KETUA MENTERI

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Satu rombongan dari Badan Perhubungan Umno Sabah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini pagi ini berhubung isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Rombongan itu yang diketuai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Haji Sukam berbincang selama satu setengah jam dengan Perdana Menteri, kata Osu kepada Bernama.

Kesemua pemimpin tertinggi Umno Sabah hadir pada pertemuan itu kecuali Ketua Perhubungan Umno negeri yang juga Ketua Menteri, Datuk Salleh Said Keruak, katanya.

Pertemuan itu merupakan yang pertama dalam siri pertemuan berasingan Perdana Menteri dengan barisan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri itu yang telah mengambil keputusan menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan muktamad berhubung janjinya untuk menggilirkan jawatan ketua menteri itu.

"Umno Sabah penuh yakin Perdana Menteri akan membuat keputusan yang paling bijak dan memuaskan hati semua pihak dalam BN Sabah berhubung isu itu," kata Osu lagi.

Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno minggu lepas juga memberi mandat kepada Dr Mahathir untuk menyelesaikan isu itu.

Umno Sabah pada mesyuaratnya di Kota Kinabalu bulan lepas bagaimanapun sebulat suara menolak cadangan menggilirkan jawatan itu yang jika dilaksanakan, dijangka berpindah tangan kepada Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee pada 17 Mac depan.

Osu akan mengadakan persidangan berita di pejabatnya petang ini untuk menghuraikan pertemuan Umno Sabah dengan Dr Mahathir itu. -- BERNAMA

AU NMO